

**Pengusaha Pelancongan Disaran Lebih Berkomunikasi Dengan Kerajaan
Bernama
26 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Pengusaha dan pihak yang terlibat dalam bidang pelancongan diminta untuk lebih berkomunikasi dengan kerajaan dalam memastikan pelancong dapat menikmati persekitaran sempurna semasa berada di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai berkata kerajaan sentiasa bersedia untuk mendengar cadangan atau maklum balas dalam meningkatkan industri pelancongan yang merupakan satu daripada penyumbang ekonomi terbesar negara.

Katanya tahun lalu merekodkan kedatangan pelancong seramai 26.8 juta yang menyumbangkan RM58.4 bilion kepada pendapatan negara.

"Setiap maklumat yang diberikan penting kerana kita tidak boleh bergantung kepada pegawai yang berada di pejabat kerana mereka yang berada di dalam industri lebih tahu keadaan sebenar.

"Sepatutnya perkara seperti longkang di kawasan pelancongan tersumbat, harga makanan restoran mahal atau tandas kotor perlu dimaklumkan kerana pelancong mengeluarkan wang untuk kemudahan tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Malaysia International Travel Mart (MITM) 2012 di sini Jumaat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704924>